

Pertumbuhan ekonomi mampu capai 4.8 peratus

» *Pelaburan swasta, eksport faktor utama realisasi unjuran 2015*

Oleh Nurhayati Abillah
dan Mohd Zaky Zainuddin
bhbiz@bh.com.my

Prestasi ekonomi negara berada pada landasan tepat untuk mencapai sasaran pertumbuhan antara 4.5 peratus dan 5.5 peratus bagi keseluruhan tahun ini.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata walaupun pertumbuhan ekonomi diunjurkan lebih rendah pada suku ke empat tahun ini, Malaysia diunjurkan masih lagi mampu mencapai pertumbuhan 4.8 peratus bagi keseluruhan tahun 2015.

Katanya, pertumbuhan pelaburan swasta serta eksport men-

jadi faktor utama dalam merealisasikan unjuran berkenaan berikutan pengguna yang masih lagi berada dalam fasa peralihan.

"Kita dapati ada beberapa industri seperti elektronik, sarung tangan getah, plastik, mesin dan peralatan serta kelapa sawit terus mencatatkan pertumbuhan eksport yang baik.

"Selain itu, pertumbuhan dalam sektor pembinaan seperti pembinaan perumahan, bangunan komersil serta projek infrastruktur mampu menggalakkan pertumbuhan pelaburan swasta," katanya kepada BH.

Jumaat lalu, Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz ketika mengumumkan ekonomi Malaysia berkembang 4.7 peratus pada suku ketiga 2015, disokong permintaan domestik yang kukuh, sekali gus memperlihatkan kadar pertumbuhan yang sejajar dengan jangkaan ramai.

Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2015, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia berkembang 5.1 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus pada suku pertama dan 4.9 peratus pada suku kedua.

Fello Penyelidik Kanan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Zulkipli Omar berkata, kadar pertumbuhan yang disasarkan BNM mampu dicapai memandangkan permintaan domestik masih menjadi jentera pertumbuhan ekonomi negara.

Pacu pertumbuhan

Katanya, ia juga disokong oleh perbelanjaan swasta yang terus memacu pertumbuhan dan perbelanjaan awam yang diumumkan dalam Bajet 2016.

Beliau berkata, masih terdapat rakan dagang Malaysia seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan India yang merekodkan pertumbuhan positif dan mampu menampung kekurangan permintaan eksport dari negara lain.

"Ekonomi Malaysia akan kekal berdaya tahan, meskipun berdepan pelbagai cabaran dalaman dan luaran jika ia diurus dengan betul.

"Segala cabaran global adalah sebahagian dari kitaran perniagaan yang dialami oleh semua ekonomi. Kemelesetan akan menyediakan ekonomi untuk menjadi lebih berdaya saing di masa hadapan," katanya.



"Kita dapati ada beberapa industri seperti elektronik, sarung tangan getah, plastik, mesin dan peralatan serta kelapa sawit terus mencatatkan pertumbuhan eksport yang baik"

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd